



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

27 OKTOBER 2021 (RABU)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

27 OKTOBER 2021 (RABU)

HARI : RABU
TARIKH : 27/10/2021
M/SURAT : 1

PERLUKAH HARGA DIKAWAL MELALUI SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN?

SETIAP menjelangnya musim perayaan utama di Malaysia, pasti akan ada pengumuman Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP). SHMMP akan menyenaraikan senarai barang yang dikawal, harga maksimum yang diwartakan dan jangka masa pelaksanaan SHMMP bagi perayaan tersebut.

Pengguna dan peniaga akan terantau-nanti apakah barang yang tersenarai dan berapakah harga maksimum bagi setiap barang tersebut. Pengguna mungkin suka tetapi tidak kepada peniaga.

Pemimpin politik pula terutama pembangkang hanya melihat dari pada sudut bilangan barang yang dikawal dan berapa hari pelaksanaannya. Ia kemudiannya dijadikan isu seolah-olah bilangan barang, harga kawalan dan hari pelaksanaan menjadi kayu ukur dan tentunya mengelirukan pengguna.

Sebenarnya bilangan barang dan harga semasa kawalan tidak

penting. Yang utama ialah kesannya kepada pengguna terutama selepas pelaksanaan skim tersebut. Kerajaan sekarang merasakan kita perlu lihat isu ini dengan lebih teliti supaya pengguna dan peniaga tidak tertekan.

Ada dalam kalangan peniaga akan mengambil kesempatan menaikkan harga sebelum supaya harga kawalan semasa SHMMP berpihak kepada mereka. Akan ada pula peniaga yang akan simpan stok dan menjualnya lepas SHMMP dengan harga yang tinggi kerana hendak menampung kerugian yang dialami sebelum ini.

Mengikut data sejak 2010, bilangan tertinggi barang yang disenaraikan dalam sesuatu SHMMP adalah 32 iaitu semasa perayaan Hari Raya Puasa pada tahun 2021 dan jangka masa paling lama pelaksanaan SHMMP adalah 30 hari iaitu semasa Hari Raya Puasa 2021 dan 2019.

Dalam satu kajian bebas yang dijalankan dalam tahun 2021 yang

melibatkan 1,074 responden yang terdiri dari pengguna dan peniaga pelbagai demografi, mendapat bahawa jika SHMMP hendak diteruskan, ia mestilah diubahsuai yang mana bilangan barang yang akan disenaraikan dikecilkan memberi fokus kepada barang yang betul-betul perlukan dan signifikan bagi perayaan tersebut dan jangka masanya dipendekkan.

Sebenarnya yang diperlukan oleh pengguna dan peniaga adalah HARGA TERKAWAL bukan HARGA KAWALAN. Harga Kawalan ialah penetapan pada harga tertentu yang mana semua peniaga harus mematuhi perwartaan harga tersebut. Dengan sendirinya hilanglah persaingan, sedangkan persaingan amat diperlukan untuk merancakkan pasaran dan ekonomi serta menguntungkan pengguna terutama pada waktu penawaran dan bekalan stabil.

Pengguna tidak sedar, ada premis yang selama ini menjual sesetrum barang di bawah harga maksimum

akan menaikkan harga mereka ke tahap maksimum. Kenapa tidak? Harga maksimum adalah harga yang telah diwartakan dan sah daripada segi undang-undang. Keuntungan mudah bagi mereka!

Jika semua peniaga menaikkan atau menurunkan ke tahap harga kawalan maksimum, pada ketika itu, pengguna sudah tidak ada pilihan. Seolah-olah terjadi kartel harga pula.

Harga Terkawal pula ialah harga sesetrum barang dalam julat yang terkawal dan seimbang mengambil kira kepentingan pengguna dan peniaga. Setiap rantaian bekalan dari penge-luar hingga peruncit mempunyai margin munasabah tidak mencekik darah dan natijahnya, pengguna mendapat pelbagai pilihan harga mengikut cita rasa dan kemampuan mereka.

Inilah pasaran bebas yang sihat yang mana penyelesaian harga mengikut pasaran berdasarkan penawaran dan permintaan. Pengguna

bijak akan membuat penyesuaian jika penawaran bekalan kurang dengan beralih kepada produk alternatif yang dengan sendirinya akan memberi kesan terhadap permintaan sesuatu barang tersebut.

Jika sesuatu situasi luar biasa amat menekan dan tidak terkawal seperti kekurangan barang utama dan alternatif yang berpanjangan, atau berlaku pencututan, peniaga menyoroti barang atau kartel harga, sudah pasti pada ketika itu kerajaan akan melakukan intervensi melalui AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTI PENCATUTAN 2011 (AKHAP), AKTA KAWALAN BEKALAN 1961 dan AKTA PERSAINGAN 2010 (AKTA 712).

Sudah tiba masanya kita sebagai ahli Keluarga Malaysia bertindak secara bijak dan berani bertindak demi negara. Pasca pandemik ini boleh dijadikan papan luncur untuk mengerakkan pasaran yang sihat dalam menstabilkan bekalan dan harga barang negara.

Kempen OhMydin! promosikan IKS

Misi utama bantu peniaga dan sokong produk tempatan, kesan akibat Covid-19

Oleh NUR IFTITAH ROZLAN

SHAH ALAM

Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) melancarkan Kempen OhMydin! Huru-Hara Pasar Raya sempena dengan Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) yang melibatkan usahawan-usahawan IKS dan PKS dianjurkan secara fizikal dan besar-besaran di seluruh cawangan Mydin seluruh negara.

"Lazimnya sebelum ini, pelbagai aktiviti dan program sepanjang kempen KBBM yang melibatkan usahawan-usahawan IKS dan PKS dianjurkan secara fizikal dan besar-besaran di seluruh cawangan Mydin seluruh negara.

"Namun keterbatasan yang terpaksa dihadapi demi mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Covid-19 telah memberi nafas baharu bagi menjayakan kempen ini.

"Impak kejayaan kempen lalu menyaksikan pertumbuhan produk-produk tempatan men-

Datuk Wira Dr Ameer Ali Mydin berkata, kempen tersebut diadakan sebagai usaha menyahut saranan kerajaan bagi merancakkan ekonomi domestik melalui pembelian barang tempatan.

Menurutnya, Mydin selaku empayar tempatan yang menjadi medium pasaran pelbagai variasi produk mengambil tanggungjawab bagi membantu melebarkan sayap dan menyokong perniagaan IKS dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

"Lazimnya sebelum ini, pelbagai aktiviti dan program sepanjang kempen KBBM yang melibatkan usahawan-usahawan IKS dan PKS dianjurkan secara fizikal dan besar-besaran di seluruh cawangan Mydin seluruh negara.

"Namun keterbatasan yang terpaksa dihadapi demi mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Covid-19 telah memberi nafas baharu bagi menjayakan kempen ini.

"Impak kejayaan kempen lalu menyaksikan pertumbuhan produk-produk tempatan men-



catatkan jualan yang membangkitkan semangat mereka semakin dikenali," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Pelancaran Kempen OhMydin! Huru-Hara Pasar Raya dan Sesi Walkabout sempena KBBM di Mydin Subang Jaya pada Selasa.

Dalam pada itu Ameer Ali berkata, kembali dengan norma baharu tahun ini, Mydin sekali

lagi mengorak langkah mengajurkan KBBM serentak dengan kempen OHMYDIN Huru-Hara Pasar Raya.

Tambahnya, kempen yang berlangsung sehingga 21 Januari 2022 itu melibatkan lebih 49 jenama tempatan yang akan menawarkan promosi hebat dan penjimatan berganda untuk pelanggan setia Mydin.

Sementara itu, Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk

Ameer Ali Mydin (kanan) bersama-sama Hasnol Zam Zam (kiri) meninjau produk-produk IKS semasa sesi Walkabout sempena Kempen Beli Barang Malaysia di Mydin Subang Jaya pada Selasa.

Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, langkah kerajaan untuk memperkasa dan melaksanakan KBBM adalah bertepatan dan signifikan bagi mengimbangi cabaran globalisasi ekonomi semasa.

"Pelaksanaan KBBM tahun 2021 akan menumpukan penembusan produk PKS ke dalam sektor peruncitan membabitkan pasar raya tempatan," kata beliau.

KPDNHEP lupus barang rampasan RM51.9j

SEREMBAN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) semalam melupuskan pelbagai barang rampasan yang bernilai RM51.9 juta.

Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, semua barang yang dilupuskan itu adalah hasil rampasan pihaknya di seluruh negara bermula awal tahun ini sehingga September lalu yang melibatkan pemeriksaan di 632,242 buah premis.

Kata Azman, dari jumlah premis yang diperiksa tersebut, pihaknya juga telah mengambil sebanyak 8,782 tindakan kes melibatkan pelbagai kesalahan dengan nilai rampasan berjumlah RM29.96 juta.

"Barang rampasan ini melibatkan tindakan kes di bawah pelbagai kesalahan antaranya Akta Cap Dagangan 2019, Akta Perihal Dagangan 2011.

"Akta Jualan Langsung 1999, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999 membabitkan barang rampasan berkaitan cetak rompak, barang tiruan dan standard keselamatan," katanya.



PEGAWAI KPDNHEP melupuskan sebahagian minyak kenderaan tiruan di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP di Nilai, Seremban, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

Beliau berkata demikian dalam sidang akbar Pelupusan Eksibit Mega KPDNHEP di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP di Nilai, di sini semalam.

Kata Azman, hasil kutipan sementara yang sedang diuruskan kerajaan adalah sebanyak RM2.19 juta selain hasil jualan lelong, sebut harga, tender dan jualan sebanyak RM935,477.

"Bagi lucut hak kewangan melalui perintah Mahkamah adalah RM734,594 juta dan selebihnya pemusnahan barangan kes bernilai RM28 juta," ujarnya.

LUPUS RAMPASAN RM51.91 JUTA



Item dihapuskan ketika dirampas dalam operasi dilaksanakan KPDNHEP sepanjang tahun ini

Oleh Mohd Amin Jalil
 am@hmetro.com.my

Nilai

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melupuskan pelbagai barang rampasan termasuk barang tiruan berjumlah RM51.91 juta semalam.

Pengaruh Penguat Kuasa KPDNHEP Putrajaya Azman Adam, berkata, anggota Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP melaksanakan operasi penguatkuasaan dan perkenaan berkaitan bekalan, harga, antipencututan, ketirisian, cetak rompak, barang tiruan, logo halal, sewa beli, metrologi, skim anti piramid, jualan langsung, penipuan pembelian dalam talian dan sebagainya sepanjang tahun ini.

"Sehingga akhir September lalu, sebanyak 632,242 premis diperiksa di seluruh negara dan sebanyak 8,782 tindakan diambil membabitkan pelbagai kesalahan dengan nilai rampasan berjumlah RM29.96 juta.

"Dalam tempoh yang sama juga, sebanyak RM4.11 juta

22,274

Bilangan aduan kegiatan penipuan pembelian dalam talian diterima KPDNHEP setakat September lalu

kompakn juga dikeluarkan membabitkan 7,830 kes di seluruh negara.

"Selain itu, sebanyak 97 kes pula membabitkan tindakan pendakwaan di mahkamah dengan jumlah keseluruhan denda sebanyak RM798,292.

"Pelupusan barang rampasan ini membabitkan tindakan kes membabitkan Akta Cap Dagangan 2019, Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Jualan Langsung 1999, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999.

"Ia membabitkan barang rampasan berkaitan cetak rompak, barang tiruan dan standard keselamatan," katanya di Kompleks Penyimpanan Penguat Kuasa KPDNHEP di Kawasan Perindustrian Arab Malaysian di sini, semalam.

Mengulas lanjut mengenai

kegiatan penipuan pembelian dalam talian, beliau memaklumkan pihaknya menerima sebanyak 22,274 aduan mengenai aktiviti berkenaan setakat September lalu.

"Kegiatan penipuan atau transaksi dalam talian merekodkan carta yang tinggi di mana daripada jumlah keseluruhan aduan. Lebih 9,000 aduan membabitkan urus niaga dalam talian.

"Banyak isu berkaitan urus niaga dalam talian berlaku terutama sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang lalu.

"Secara puratanya, aduan membabitkan penipuan dalam talian ini sahaja merangkumi sekitar 40 peratus daripada kes penipuan urus niaga lain," katanya.

Katanya, bagi menjaga kepentingan pengguna, KPDNHEP melalui bahagian penguat kuasa akan meneruskan tindakan penguatkuasaan dari semasa ke semasa.

BEG tiruan jenama mewah yang dilupuskan.



HARI : RABU
TARIKH : 27/10/2021
M/SURAT : 10



HARI : RABU
TARIKH : 27/10/2021
M/SURAT : 3



Lupus barang rampasan RM51.91 juta

Hasil rampasan KPDNHEP sepanjang tahun ini di seluruh negara

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

NILAI

Pelbagai barang rampasan bernilai RM51.91 juta dilupuskan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada Selasa.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, barang berkenaan merupakan hasil rampasan dilakukan pihaknya sepanjang tahun ini melibatkan pemeriksaan 632,242 premis di seluruh negara dalam tempoh Januari sehingga September.

"Sebanyak 8,782 tindakan kes



Antara barang tiruan yang dilupuskan dalam Majlis Pelupusan Eksibit Mega di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguasa KPDNHEP, Arab Malaysian Industrial Park di Nilai pada Selasa.

telah diambil melibatkan pelbagai kesalahan dengan nilai rampasan berjumlah RM29.96 juta.

"Barang rampasan ini melibatkan tindakan kes di bawah pelbagai kesalahan antaranya Akta Cap Dagangan 2019, Akta Perihal Dagangan 2011, Akta

Jualan Langsung 1999, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999 membabitkan barang rampasan berkaitan cetak rompak, barang tiruan dan standard keselamatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada

sidang akhbar Majlis Pelupusan Eksibit Mega di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguasa KPDNHEP, Arab Malaysian Industrial Park di sini pada Selasa.

Selain itu katanya, sebanyak RM4.11 juta kompaun telah di-

keluarkan KPDNHEP melibatkan 7,830 kes di seluruh negara pada tahun ini.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, 97 kes melibatkan tindakan pendakwaan di mahkamah dengan jumlah keseluruhan denda sebanyak RM798,292.

"Berdasarkan kepada tindakan kes kompaun dan pendakwaan tersebut, sebanyak 1,868 kes yang melibatkan barang siatan telah dilupuskan tahun ini.

"Sebanyak 22,274 aduan atas pelbagai kesalahan diterima pihaknya dari 1 Januari sehingga 25 Oktober tahun ini," katanya.

Ujarnya, berdasarkan statistik, aduan penipuan pembelian transaksi dalam talian paling tinggi diterima iaitu 9,324 aduan.

"Kita akan sentiasa mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan di bawah peruntukan undang-undang sedia ada supaya dapat mewujudkan suasana perniagaan yang kondusif dan adil," katanya.

Penapis air, periuk tekanan tinggi disita

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur menyita 2,797 unit penapis air pelbagai model serta periuk tekanan tinggi dianggar bernilai RM7.5 juta daripada sebuah syarikat jualan langsung terkemuka negara.

Tindakan rampasan dibuat dalam pemeriksaan lesen jualan langsung oleh sepasukan pegawai penguasa KPDNHEP Kuala Lumpur di gudang syarikat itu yang terletak di sebuah taman perindustrian di Subang Jaya, Selasa minggu lalu.

Pengarah KPDNHEP Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin, berkata pemeriksaan mendapati syarikat terbabit menyimpan dan memasarkan model terbaharu penapis air dan periuk tekanan tinggi tanpa mendapat kelulusan kementerian terlebih dahulu.

"Semua produk itu didapati tidak disenaraikan dalam senarai barang dilulus dan dibenarkan untuk dijual mengikut syarat ditetapkan dalam lesen jualan langsung syarikat terbabit. Semakan mendapati lesen syarikat ini masih sah hingga 20 Disember 2023 dan terdapat 21 model produk syarikat itu dibenarkan dijual dalam pasaran.

"Namun, barang yang dirampas itu masih belum men-



Ariffin (kiri) menunjukkan barang rampasan ketika sidang media di Stor Eksibit KPDNHEP, Segambut.
(Foto Azliah Azmee/BH)

dapat kelulusan KPDNHEP," katanya pada sidang media di sini semalam.

Katanya, syarikat terbabit didapati menambah enam model produk penapis air serta satu model produk periuk tekanan tinggi dalam senarai jualan tanpa mendapat kebenaran KPDNHEP dan perkara itu menjadi satu kesalahan.

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 6(4) Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 iaitu pemegang lesen tidak me-

matuhi mana-mana syarat lesen yang dikenakan pengawal.

"Mengikut seksyen itu, pihak yang melanggar syarat telah melakukan satu kesalahan dan boleh disabitkan mengikut Seksyen 39(2) Penalti Am yang mana boleh dikenakan denda tidak lebih RM250,000 dan sekiranya kesalahan berulang, boleh dikenakan denda maksimum RM500,000," katanya.

Ariffin berkata syarikat terbabit berdaftar di bawah Lesen Jualan Langsung dan tertakluk de-

ngan Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993.

"Justeru, syarikat ini perlu menjaga kepentingan pelanggan dan untuk itu, setiap barang atau produk yang hendak dijual secara langsung itu perlu mendapat kelulusan Pengawal Jualan Langsung iaitu Ketua Setiausaha KPDNHEP," katanya menegaskan, amat penting untuk produk itu mendapat kelulusan dalam memastikannya selamat dan tidak berbahaya untuk digunakan oleh orang ramai.

HARI : RABU
TARIKH : 27/10/2021
M/SURAT : 17



Rampas 2,797 penapis air RM7.5j

ARIFFIN (kiri) menunjukkan barang rampasan bersama Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri, Nurul Syarina Md Anuar dan Pegawai Serbuam, Md Joha Bahran di Stor Eksibit KPDNHEP, Segambut. - Gambar NSTP/AZIAH AZMEE

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas 2,797 penapis air bernilai RM7.5 juta yang disimpan dan dijual tanpa kelulusan.

Pengarah KPDNHEP Kuala Lumpur Ariffin Samsudin berkata, produk itu disimpan dan dijual sebuah syarikat jualan langsung.

"Tindakan rampasan dilakukan hasil daripada naziran lesen syarikat jualan langsung yang dijalankan pegawai penguat kuasa.

"Hasil naziran itu mendapat syarikat berkenaan menyimpan dan menjual model terbaru penapis air tanpa mendapat kelulusan daripada KPDNHEP terlebih dahulu," katanya, semalam.

Ariffin berkata, syarikat berkenaan hanya menerima 21 kelulusan produk yang boleh disimpan dan dijual.

"Produk yang tidak tersenarai dalam kelulusan adalah menjadi kesalahan kerana tertakluk kepada lesen jualan langsung.

"Ia tanggungjawab syarikat jualan langsung itu memohon kelulusan berhubung produk baharu mereka seperti yang tertakluk di dalam syarat lesen," katanya.

Menurutnya, rampasan dilakukan di sebuah gudang di Taman Perindustrian Subang, Sabtu lalu, selepas naziran dilakukan.

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 6(4) Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1992 iaitu pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana syarat lesen yang dikenakan oleh pengawal adalah melakukan suatu kesalahan," katanya.

2,797 produk Korea bernilai RM7.5 juta dirampas

Dijual di negara ini tanpa kelulusan KPDNHEP

Oleh MOHD HARIS FADLI
MOHD FADZIL

KUALA LUMPUR

Sebanyak 2,797 produk pelbagai model bernilai RM7.5 juta milik sebuah syarikat penapis air terkenal dari Korea Selatan dirampas kerana dijual tanpa kelulusan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada Khamis.

Antara produk yang dirampas termasuk beberapa model penapis air dan periuk tekanan.

Pengarah KPDNHEP Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin berkata, kesemua produk itu dirampas dari sebuah gudang milik syarikat berkenaan yang terletak di Subang Jaya.

"Syarikat ini memiliki lesen jualan langsung yang masih sah sehingga tahun 2023 untuk 21 jenis produk. Bagaimanapun barang yang dirampas ini merupakan produk yang dijual tanpa kelulusan KPDNHEP."

"Kita telah beri lesen, jadi produk yang mendapat kelulusan boleh dijual



Ariffin (tengah) menunjukkan sebahagian produk jenama dari Korea Selatan yang dirampas.

tetapi produk yang dirampas ini dianggap dibawa masuk secara haram kerana tidak mendapat kelulusan," katanya pada sidang akhbar di Stor Eksibit KPDNHEP Kuala Lumpur di Segambut pada Selasa.

Ariffin menjelaskan, tindakan tersebut diambil untuk menjaga kepentingan pengguna dan memastikan pemegang lesen jualan langsung tidak menyalahgunakan kebenaran yang diberikan.

"Pengguna ini bila mereka nampak papan tanda ada lesen mereka anggap semua barang yang dijual selamat digunakan. Untuk menjaga kepentingan pembeli setiap produk yang hendak disenaraikan dalam jualan langsung

perlu mendapat kebenaran," jelasnya.

Beliau memberitahu, pengarah syarikat itu akan dipanggil untuk membantu siasatan dalam masa terdekat.

"Kita akan rujuk kepada timbalan pendakwa raya dan mahkamah akan putuskan apa tindakan yang akan diambil terhadap barang rampasan berkenaan," ujarnya.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Seksyen 6(4) Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 kerana melanggar syarat lesen.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM250,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh didenda tidak melebihi RM500,000," katanya.



ARIFFIN (tiga dari kanan) menunjukkan sebahagian produk yang dirampas KPDNHEP di Kuala Lumpur semalam.

Penapis air, periuk bernilai RM7.5j disita

Oleh SYED MOHD HAZIQUE
SYED NOR

KUALA LUMPUR – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyita 2,797 unit mesin penapis air pelbagai model serta perluk tekanan tinggi dianggarkan bernilai RM7.5 juta dalam satu serbuan di Subang Jaya, Khamis lalu.

Pengarah KPDNHEP Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin berkata, hasil pemeriksaan lesen jualan langsung yang dilakukan di sebuah gudang mendapati syarikat tersebut telah menyimpan dan menjual barang tanpa ke-

lulusan kementerian.

"Semua produk yang dirampas itu didapati tidak disenaraikan dalam senarai barang yang diluluskan dan dibenarkan untuk dijual mengikut syarat yang ditetapkan dalam lesen jualan langsung syarikat terbabit," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Tambahnya, syarikat itu didapati hanya menerima 21 kelulusan produk yang boleh disimpan dan dijual sementara produk yang tidak tersenaraikan dalam kelulusan adalah menjadi kesalahan kerana tertakluk kepada lesen jualan langsung.

"Adalah menjadi tanggung-

jawab syarikat jualan langsung itu untuk memohon kelulusan berhubung produk baharu mereka seperti yang tertakluk di dalam syarat lesen," ujarnya.

Jelasnya, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 6(4) Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993.

"Mana-mana pihak yang melanggar syarat lesen boleh disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 39(2) Penalti Am dalam akta yang sama," jelasnya.

Tambahnya, pihak KPDNHEP akan terus memantau dan menguakuasakan undang-undang di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993.

HARI : RABU
TARIKH : 27/10/2021
M/SURAT : 16

 Senarai Harga Barang Keperluan	Ayam RM6.49	Telur Gred A RM10.90	Gula Pasir RM2.85	Cili Merah RM7.99
	Daging Lembu Tempatan RM35	Ikan Kembung RM10.99	Bawang Besar Holland RM2.69	Kubis Bulat Tempatan RM2.90
	Daging Lembu Import RM15.50	Minyak Masak RM6.50	Bawang Putih RM6.90	Tepung Gandum RM2.19
				*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP